



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

SIARAN MEDIA

BEKALAN AYAM DAN TELUR KEMBALI NORMAL DAN MENCUKUPI DALAM MASA TERDEKAT

PUTRAJAYA 21 JANUARI 2023 – YB Tuan Haji Mohamad Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) telah mengadakan pertemuan dengan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) yang diketuai Encik Tan Chee Hee, Presiden FLFAM pada Khamis, 19 Januari 2023 di Putrajaya. Pertemuan ini turut dihadiri YBhg Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha MAFS dan Pegawai-pegawai Kanan MAFS.

Pertemuan ini bertujuan bagi membincangkan Memorandum FLFAM berkaitan isu-isu yang menjejaskan kemampunan dan daya saing industri unggas khususnya ayam daging dan telur. Beberapa isu yang dibangkitkan FLFAM telah dibincangkan bersama seperti berikut :

- i. Harga kawalan dalam tempoh yang panjang menyebabkan penternak berhadapan kerugian kerana kos pengeluaran terus meningkat
- ii. Keperluan meningkatkan produktiviti melalui penternakan secara sistem tertutup
- iii. Isu aliran tunai di kalangan penternak
- iv. Jangkaan bekalan ayam dan telur serta kos pengeluaran.

Dalam pertemuan tersebut **FLFAM telah memberi jaminan kepada MAFS bahawa pengeluaran bekalan ayam dan telur akan normal dan mencukupi untuk pasaran tempatan bermula bulan ini**. Mereka juga telah menyatakan komitmen dan jaminan ini dalam siaran media FLFAM pada Jumaat, 20 Januari 2023.

FLFAM turut menzahirkan penghargaan mereka kepada Kerajaan atas usaha dan sokongan dalam mencari penyelesaian yang seimbang tentang masalah yang dihadapi oleh pengguna dan industri di Malaysia berikutan pelbagai cabaran yang wujud dalam proses rantai bekalan makanan di seluruh dunia.

MAFS akan terus komited mengadakan libat urus bersama pemain industri bagi memastikan industri ayam dan telur terus mampan bagi menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi untuk keperluan rakyat.